

28 MAY 2001

Syed Hamid-Indonesia

KESTABILAN DI INDONESIA AMAT PENTING BAGI KESEJAHTERAAN ASEAN

Oleh: Mohd Kamel Othman

JAKARTA, 28 Mei (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata ketenteraman dan kestabilan di Indonesia amat penting bagi kesejahteraan Asean kerana Indonesia dianggap sebagai sebuah negara yang mustahak di rantau ini.

Apa jua kejadian buruk yang berlaku di Indonesia, kesannya akan melimpah ke Malaysia memandangkan Indonesia adalah jiran terdekat Malaysia.

Malaysia berharap Indonesia dapat menyelesaikan masalah politiknya dan kembali memainkan peranan sebagai tunggak penting Asean demi memperkukuhkan lagi pertubuhan itu, katanya kepada wartawan Malaysia yang berada di sini untuk membuat liputan Sidang Kemuncak Kumpulan 15 Negara Membangun (G15).

Sidang kemuncak dua hari itu bermula Rabu ini. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka tiba di sini esok.

Syed Hamid berkata, mana-mana negara dalam Asean yang kedudukannya tidak stabil secara tidak langsung akan memberi kesan kepada negara-negara Asean yang lain.

Asean dianggotai oleh Brunei, Indonesia, Kemboja, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Sambil mengulangi pendirian bahawa Malaysia tidak akan campurtangan dalam hal ehwal politik dalaman sesebuah negara, Syed Hamid berkata Malaysia ingin terus melihat kesepaduan dan kesepakatan Asean terus terpelihara.

Mengenai situasi politik di Indonesia, Menteri Luar itu berkata Malaysia semangannya mengikuti secara dekat perkembangan yang berlaku dan mahu kestabilan di Indonesia supaya negara itu dapat memperkukuhkan ekonominya di samping memelihara kesejahteraan rakyatnya.

Syed Hamid berkata demikian apabila diminta mengulas mengenai situasi politik di Indonesia yang kian meruncing berikutan konflik antara Presiden Abdurrahman Wahid dan Dewan Perwakilan Rakyat (DPR).

DPR akan mengadakan persidangan pada Rabu ini bagi memutuskan sama ada perlu atau tidak sidang istimewa Majlis Permesyuaratan Rakyat (MPR) mengadakan sidang istimewa untuk menentukan kedudukan Abdurrahman yang didakwa terlibat dalam dua skandal kewangan.

Jumaat lepas, Abdurrahman mengancam akan mengisytiharkan darurat dan membubarkan DPR jika sidang istimewa itu diadakan.

Menurut beliau, Malaysia juga ingin melihat keadaan ekonomi di Thailand pulih manakala keadaan politik di Filipina aman tenteram bagi membolehkan Asean menjadi sebuah pertubuhan yang terus dihormati di samping dapat menarik pelaburan.

"Kita jangan lupa bahawa salah satu elemen yang menggalakkan pelaburan di rantau kita ialah keadaan politik, keamanan dan kestabilan," katanya.

Syed Hamid berkata Asean juga akan rugi jika keadaan itu berterusan kerana negara-negara yang mempunyai kapasiti untuk melabur akan melabur di tempat lain seperti di China kerana persekitaran di situ lebih menggalakkan.

"China menarik banyak pelaburan. Kalau ada bacaan bahawa rantau kita tidak menjadi tempat menarik untuk pelaburan, kita tidak akan dapat menarik pelaburan ke kawasan kita dan ini boleh menjejaskan perkembangan ekonomi kerana perkembangan ekonomi kita (Asean) bukan bergantung kepada pelaburan domestik sahaja tetapi juga pelaburan asing langsung (FDI)."

"Pada saya, Malaysia sentiasa mendoakan kesejahteraan dan keselamatan bagi keadaan politik di Indonesia pulih," katanya.

Syed Hamid juga berkata Malaysia berpegang kepada prinsip "kesejahteraan negara jiran" yang sentiasa ditekankan oleh Dr Mahathir.

"Kita mahu jiran kita juga berada dalam kedudukan baik. Bila negara itu mempunyai kedudukan ekonomi yang baik, Asean yang mempunyai jumlah penduduk berjumlah 500 juta mempunyai potensi besar untuk menarik pelaburan," tegas beliau.

-- BERNAMA

MKO PR